

Tiada mainan politik ambil pegawai —Dr. M

KOTA BHARU, Isnin.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan, pengambilan pegawai-pegawai dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di negara ini pasti "bersih" dari sebarang pengaruh politik.

"Pengambilan pegawai-pegawai dari semua peringkat dan gred sepenuhnya berasaskan konsep bersih, cekap dan amanah yang menjadi garis panduan kerajaan sekarang."

Demikian dinyatakan oleh Setiausaha Politik beliau di Kementerian Pertahanan, Encik Aziz Shamsuddin dalam satu pertemuan dengan Berita Harian selepas majlis dialog antara siswa-siswi Universiti Malaya dengan Kerajaan Kelantan di Dewan Darul Naim Kem Kijang, malam tadi.

Katanya, Datuk Seri Dr. Mahathir telah meletakkan amanah yang tegas kepada pegawai-pegawai yang menemuduga untuk mengamalkan konsep tu.

Jawatan

Ditanya mengenai pengambilan pegawai-pegawai dalam jawatan yang berhubung rapat dengan badan politik seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) beliau berkata, dasar pengambilannya boleh ditentukan oleh bahagian-bahagian berkenaan kerana mereka lebih tahu dan rapat dengan rakyat.

Encik Aziz menegaskan, bagaimanapun pegawai-pegawai KEMAS juga mestilah mengamalkan konsep yang sama kerana mereka perlu bekerja dan bergaul dengan rakyat serta menjadi mata dan telinga kerajaan.

"Sebagai pegawai yang rapat dengan rakyat di peringkat bawah, mereka amat perlu mengamalkan sikap bersih, cekap dan amanah agar sikap tersebut menjadi ikutan pula kepada rakyat," tegas Setiausaha Politik itu.

Bagi pengambilan pegawai-pegawai dalam

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-negeri pula, Encik Aziz berkata, mungkin terdapat sedikit perbezaan. Tetapi konsep bersih, cekap dan amanah mesti diamalkan.

Katanya, soal membawa surat-surat dari wakil-wakil rakyat semasa temuduga tidak timbul kerana para pegawai temuduga akan memberi keutamaan kepada mereka yang benar-benar mempunyai kelayakan sebagaimana yang dikehendaki bagi jawatan yang dipohon itu.

Ditanya adakah pemohon-pemohon yang berkelulusan dari negara-negara Timur akan diberi keutamaan memandangkan dasar kerajaan yang memberi keistimewaan kepada mereka yang lulus dari Timur sekarang, Encik Aziz berkata, soal itu tidak timbul kerana kerajaan akan mengambil pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan dan pengalaman yang sesuai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia